

## **Write-up for Web (promotion purposes)**

### **PERTANDINGAN DEBAT PERDANA INTEGRITI ANTARA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI 2007**

Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara Institusi Pengajian Tinggi 2007, anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) akan diadakan pada 2 hingga 6 Februari 2007. Universiti Putra Malaysia (UPM) telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah untuk pertandingan kali ini. Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan merupakan gelanggang pertandingan dan kehadiran semua pelajar adalah sangat dialu-alukan untuk memberi sokongan. Pertandingan kali ini dijangka dapat menarik ramai audien dalam kalangan para pelajar universiti memandangkan ia diadakan bukan semasa cuti semester. Seperti biasa, pertandingan akan melibatkan peringkat pusingan awal, suku akhir, separuh akhir dan juga penentuan tempat ke-3 dan tempat ke-4. Pertandingan akhir akan diadakan pada sebelah malam 6 Februari 2007. Tema pertandingan tahun ini ialah Budaya Integriti Tanggung Jawab Bersama.

Pertandingan tahun ini disertai oleh 19 institusi pengajian tinggi yang mengandungi 27 pasukan dan melibatkan 106 orang pendebat. Institusi pengajian tinggi yang merancakkan pertandingan kali ini ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Darul Iman Malaysia (UDIM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Sains

Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTIM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Objektif Pertandingan Debat Perdana Integriti ini ialah untuk mempromosi serta membudayakan etika dan integriti dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Di samping dapat menambah kefahaman mengenai usaha pengukuhan integriti negara, ia juga dapat mengasah bakat sedia ada dalam kalangan pelajar yang merupakan bakal pemimpin di masa hadapan. Oleh itu, menganjurkan pertandingan debat merupakan salah satu pendekatan terbaik untuk meningkatkan daya fikir dan kebolehan berucap di khalayak ramai dalam kalangan pelajar. Pertandingan Debat Perdana Integriti ini diadakan ala Parlimen Malaysia.

Bagi menyemarakkan lagi Pertandingan Debat Perdana Integriti pada tahun 2007 ini, satu Forum Perdana Integriti dengan tema yang sama iaitu Budaya Integriti Tanggung Jawab Bersama akan diadakan pada hari Jumaat, 2 Februari 2007 jam 8.45 malam bertempat di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM). Kehadiran semua pelajar adalah dialu-alukan.

Semoga dengan usaha bersungguh pihak IIM, MADUM serta semua universiti yang terlibat, para pelajar universiti berasa teruja serta bertekad untuk menjadikan integriti, etika dan nilai-nilai murni itu sebagai suatu cara hidup terutama apabila memasuki masyarakat yang lebih besar dan penuh mencabar.